

17 APR 1998

KOMPLEKS BEBAS CUKAI JB SIAP UNTUK LEBIH BANYAK PELANGGAN ANTARABANGSA

Oleh: Leslean Arshad

JOHOR BAHRU, 17 April (Bernama) -- Kompleks Bebas Cukai Johor Baru milik Sriwani Holdings Bhd bersiap sedia untuk memperolehi lebih banyak pelawat asing yang memasuki negara ini dari selatan apabila ekonomi pulih, kata pengarah eksekutif Razak Yahya.

Sejak ia memulakan operasi Ogos lalu, kira-kira 800,000 orang telah melawat kompleks itu yang dikenali sebagai Zon, beliau memberitahu persidangan akhbar hari ini sempena dengan pelancaran Zon esok. Ia akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

Kira-kira 40 peratus daripada pelanggannya adalah rakyat asing tetapi ia dijangka meningkat kepada 70 peratus pada masa akan datang, kata Razak.

Zon menawarkan kemudahan-kemudahan membeli-belah bebas cukai sehenti, makanan dan hiburan, pengangkutan, penginapan dan konvensyen.

Kompleks bebas cukai itu bertujuan memperolehi peluang-peluang daripada hampirnya dengan Lapanganterbang Changi di Singapura.

"Sasaran kami adalah untuk menumpukan kepada lebih banyak penumpang antarabangsa memandangkan kami terletak berhampiran lapangan terbang Changi yang sibuk di mana banyak pelawat asing singgah dalam perjalanan mereka ke destinasi-destinasi lain," katanya.

Menurut perangkaan yang diperolehi daripada Jabatan Kastam, kira-kira 12,000 pelawat menyeberangi Tambak Johor setiap hari, katanya.

Zon telah bekerja dengan agensi-agensi pelancongan asing untuk menarik pelancong melawat tempatnya.

Razak berkata beliau gembira bahawa Zon dikunjungi ramai dan merasakan bahawa ini akan membantu negara menuelamatkan tukaran wang asing.

Kompleks Zon menelan belanja RM300 juta dan dimajukan oleh anak syarikat Sriwani, Kelana Megah Sdn Bhd. Penyewa induknya ialah Cergasjaya Sdn Bhd, yang telah mengendalikan kompleks bebas cukai Sriwani di Bukit Kayu Hitam selama 10 tahun lalu.

Razak berkata produk-produk tempatan merupakan lebih daripada 60 peratus daripada jualanannya yang sejajar dengan seruan kerajaan untuk menggalakkan produk-produk buatan Malaysia. -- BERNAMA

LES SHY OS